

08 MAR 2004

Pilihan raya-Pengkalan Chepa

KUBU TRADISI PAS KELANTAN MAKIN TERANCAM

Oleh: Md Nasir Rani

KOTA BAHARU, 8 Mac (Bernama) -- Pengkalan Chepa sememangnya diakui umum sebagai kawasan Parlimen yang paling kebal bagi PAS di Kelantan, seperti yang dapati disaksikan daripada keputusan beberapa pilihan raya yang lepas.

Akibatnya kawasan itu sering dijadikan bahan sindiran atau jenaka, termasuk daripada Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu masih menjadi Perdana Menteri apabila beliau berkata pengundi di situ sanggup mengundi siapa sahaja tanpa mengira latar belakang asalkan bertanding atas tiket "bulan".

Tradisi itu berterusan, apa lagi dengan adanya dua tunggak utama pimpinan kerajaan negeri mewakili dua kawasan Dewan Undangan Negeri dalam kawasan Parlimen itu iaitu Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan timbalannya Datuk Abdul Halim Abdul Rahman.

Bagaimanapun pada pilihan raya umum pada 21 Mac ini PAS tidak boleh lagi bermegah dengan kekuatan pengaruhnya di situ kerana senario politik tempatan dan tanah air telah banyak berubah.

Ketua Penaja Umno Pengkalan Chepa, Datuk Dr Nik Mohd Zain Omar mendakwa, perubahan paling ketara di Pengkalan Chepa sekarang ialah daripada segi sikap pengundi.

Katanya, pengundi lama kini lebih terbuka dalam menerima kepimpinan Umno, baik di peringkat negeri mahupun pusat, manakala pengundi muda pula sukar menerima pendekatan lapok yang digunakan oleh PAS.

Nik Mohd Zain mengakui mood pengundi kawasan itu menampakkan perbezaan hingga Umno mampu menembusi beberapa kubu kuat PAS di situ yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Untuk mengatakan Umno kini boleh merampas Pengkalan Chepa tanpa kerja keras mungkin agak keterlaluan, tetapi yang pasti petanda positif penerimaan rakyat kawasan itu terhadap Umno sekarang boleh dijadikan petunjuk awal kepada kemenangan BN di Kelantan pada pilihan raya kali ini," katanya.

Kemenangan moral yang terbaru Umno di kawasan itu ialah apabila berlaku penghijrahan beramai-ramai pengikut PAS kepada Umno, hingga mencalarakan keyakinan pemimpin PAS.

Dalam tempoh singkat kira-kira 2,000 penyokong PAS, yang kecewa dengan stail lama pemimpin PAS yang tidak menguntungkan umat Islam dan masyarakat setempat, secara terbuka telah menyuarakan sokongan terhadap Umno melalui majlis-majlis khas yang diadakan.

Kebangkitan Umno di kawasan itu juga jelas ketara apabila pondok-pondok panas Umno yang menempatkan bilik gerakan dan jenteranya tersergam kukuh dengan dihiasi poster "dacing", bersebelahan dengan pondok milik PAS.

Nik Mohd Zain berkata Pengkalan Chepa kini bukan lagi kubu PAS yang tidak mampu dibolosi Umno seperti mana tanggapan sebelum ini.

"Malah kalau kubu (PAS) di Pengkalan Chepa telah dapat dipecah, tempat lain sudah pasti lebih mudah dibolosi oleh Umno," katanya.

Beliau berkata melalui sokongan baru dan jentera yang diperkuatkan oleh bekas penyokong PAS, Umno kian selesa bergerak mendekati pengundi kawasan itu dalam menjelaskan wawasan Umno dan kerajaan pusat untuk membantu rakyat di setiap peringkat.

Katanya hasilnya rakyat kawasan itu yang terpengaruh dengan janji-janji manis PAS telah mula membuka mata dan melihat kelemahan pemimpin parti itu sejak memerintah Kelantan pada 1990.

Beliau berkata terlalu banyak bukti yang dapat dilihat oleh pengundi berhubung kelemahan pentadbiran PAS dan antara yang paling ketara di

kawasan itu ialah isu hakisan Pantai Sabak yang berlarutan sejak 10 tahun lepas langsung tidak mendapat perhatian kerajaan negeri hingga ke hari ini.

"Amat menyayatkan hati apabila beberapa perkampungan nelayan di pantai itu musnah begitu sahaja setiap tahun tanpa sebarang usaha Menteri Besar mengatasinya," katanya.

Nik Mohd Zain berkata sebaliknya dengan bantuan pemimpin Umno tempatan, kerajaan pusat meluluskan peruntukan kewangan bagi membina benteng hakisan demi menyelamatkan sisa-sisa kediaman masyarakat nelayan yang masih ada.

Beliau berkata kepimpinan baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri turut menjadi bonus kepada Umno apabila PAS ketiadaan modal untuk "menyerang" Umno pada pilihan raya kali ini.

"Umno Kelantan kini berada dalam keadaan stabil, isu panas yang boleh mengugatkan keutuhan Umno juga sudah tiada dan isu-isu besar yang boleh dijadikan bahan kempen oleh PAS telah berakhir," katanya.

Menurutnya perhatian dan perbincangan "kedai kopi" di kawasan itu kini lebih berpusat kepada topik kepimpinan "Pak Lah" hingga menenggelamkan fatwa dan kenyataan "Tok Guru" seperti lazimnya.

Melihat daripada perkembangan itu, tidak mustahil perubahan sikap penyokong PAS kepada kepimpinan Umno sekarang, boleh merobohkan sedikit demi sedikit keyakinan pemimpin PAS di kubu utamanya.

Seperti mana hakisan pantai yang telah memusnahkan hampir keseluruhan Pantai Sabak yang bersejarah itu, kini ombak dan deruan angin dengan alunan berbeza dalam politik Kelantan pula menghakis kekuatan PAS.

-- BERNAMA

MNR RAR AM